

HASIL MSM MELONJAK 12% BAGI S3 2020

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 16, 2020 – Peningkatan margin jualan serta pengeksporan produk-produk baru terus memperkukuhkan hasil MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), disusuli jumlah kerugian bersih yang lebih rendah sebanyak 62% pada suku berakhir 30 September 2020 (S3'20) berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Pemilik jenama 'Gula Prai' tersebut mencatatkan hasil keseluruhan berjumlah RM594.6 juta bagi S3'20, peningkatan sebanyak 12% berbanding RM531.7 juta pada S3'19.

MSM merekodkan jumlah keuntungan operasi sebanyak RM5.6 juta bagi S3'20 sebelum pelarasan rosot nilai. Dalam tempoh yang ditinjau, syarikat telah menghapus kira aset tumbuhan penghasil melibatkan tanaman getah yang terjejas akibat kebakaran di Chuping, Perlis sebanyak RM27.2 juta, diikuti pelarasan rosot nilai sebanyak RM35.7 juta susulan daripada perubahan dalam pengolahan perakaunan bagi aset-aset yang sama berikutan pembatalan perancangan jualan terdahulu. Oleh yang demikian, Kerugian Sebelum Cukai untuk S3'20 telah dicatatkan sebanyak RM57.4 juta.

Kumpulan turut merekodkan peningkatan dalam Pendapatan sebanyak RM63.0 juta, hasil daripada peningkatan dalam jumlah jualan bagi pasaran industri dan eksport serta premium eksport yang lebih baik. Bagi pasaran domestik, susulan penambahbaikan dalam parameter utama operasi seperti hasil pemprosesan dan kos penapisan, margin yang lebih tinggi dapat dicapai. Untuk bahagian eksport, MSM merekodkan peningkatan Jualan sebanyak 92,000 tan metrik, lima kali ganda peningkatan daripada tahun lepas sebanyak 19,000 tan metrik disertai premium yang tinggi. Ini telah menyumbang kepada usaha syarikat dalam memaksimumkan penggunaan kapasiti Kumpulan secara signifikan.

"MSM kekal berdaya tahan dalam mengoptimumkan pasaran domestik, memacu pertumbuhan eksport serta mempelbagaikan produk-produk yang ditawarkan bagi memenuhi permintaan para pelanggan. Selain itu, kedua-dua kilang pemprosesan di Prai dan Johor turut merekodkan penambahbaikan dalam operasi. Di sebalik beberapa kekangan teknikal di Johor, MSM terus berusaha dalam memberikan prestasi yang mampan." kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Fakhrunniam Othman.

Sorotan operasi, Kumpulan turut menjana hasil pemprosesan dan kos penapisan yang lebih baik sebanyak 3% dan 13% berbanding S3'19. Pencapaian ini adalah hasil daripada



peningkatan dalam kadar kecekapan, pengukuhan proses dalaman serta peningkatan penggunaan kapasiti di kedua-dua kilang.

Fakhrunniam turut menambah, "Seperti yang dirancang, pembangunan produk-produk bernilai tambah untuk dieksport, penyatuan kapasiti penapisan dan penyempadanan pasaran telah menambahbaik penghasilan produk-produk kami untuk para pelanggan secara berperingkat. Kami kekal komited dalam melaksanakan pelan pemulihan dan strategi pertumbuhan walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik global serta ramalan pasaran yang lemah bagi beberapa industri."

MSM juga memperkenalkan bungkusan terbaru produk-produk gula bertapis yang merangkumi gula kasar, halus, perang, kastor dan aising. Bungkusan terbaru tersebut mencerminkan 'Gula Prai' sebagai jenama yang dipercayai, dengan 50 tahun pengalaman dalam industri penapisan gula, memberi kemanisan dalam hidup rakyat Malaysia sejak tahun 1964. Bentuk bujur klasik yang menggambarkan satu sudu gula penuh serta warna yang berbeza-besa mewakili jenis-jenis gula tersebut telah dikekalkan dengan pengubahsuaian grafik yang lebih moden. Bungkusan baru 'Gula Prai' telah mula memasuki pasaran secara berperingkat mulai September 2020.

MSM telah mula mengeksport produk-produk baru seperti gula cair, sirap gula dan pra-campuran. Produk-produk baru berasaskan gula ini adalah sebahagian daripada program pemelbagaian Kumpulan yang akan memperlihatkan MSM menghasilkan serta mengeksport produk-produk berasaskan gula bernilai tambah ke dalam pasaran. MSM mensasarkan tahun hadapan yang lebih menarik dan akan memperkenalkan lebih banyak produk-produk seperti ini yang akan membantu syarikat untuk mencapai hasil dan keuntungan yang lebih baik.

Secara progresif, MSM akan terus memperkasakan keupayaan operasi, mengenalpasti kekuatan dalam kelemahan dan memacu strategi pertumbuhan dalam mencapai keseimbangan dari tiga aspek melibatkan operasi, aliran tunai serta kepuasan pelanggan, bagi menghasilkan nilai yang lebih baik untuk para pemegang saham.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2019, MSM mengeluarkan sebanyak 1,073,888 tan gula bertapis, di mana 83,341 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 61% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 618.6 million setakat 31 Disember 2019). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com